

RANTING KEADILAN

Peraturan Ranting KEADILAN

1. Anggota-anggota Parti boleh bergerak secara berpasukan melalui unit-unit operasi di dalam Cabang yang dinamakan Ranting seperti diperuntukkan menurut Fasal 23.1 (e) dan Fasal 39.1 (g) Perlembagaan Parti.
2. Keanggotaan satu-satu Ranting adalah sekurang-kurangnya dua puluh (20) orang anggota Cabang di mana Ranting itu didaftarkan.
3. Setiap Ranting yang ditubuhkan hendaklah didaftarkan di Ibu Pejabat selaras dengan Fasal 39.1(g) Perlembagaan Parti. Pendaftaran Ranting adalah untuk tempoh tiga (3) tahun dengan bayaran yuran pendaftaran secara kadar rata sebanyak RM10.00 sahaja bagi tempoh tiga (3) tahun tersebut.
(Pindaan MPP_8 Oktober 2023)
4. Ranting boleh ditubuhkan sama ada oleh anggota Parti yang sudah menyertai Parti atau mereka memohon untuk menjadi anggota Parti sekaligus menu buhkan Ranting pada masa yang sama.
5. Mereka yang seperti di dalam (4) yang berhasrat menu buhkan Ranting boleh membuat permohonan menu buhkan Ranting melalui Setiausaha Pengelola Cabang (dengan mengisi borang manual sahaja). Ranting yang permohonannya telah diluluskan oleh Cabang perlulah didaftarkan dengan Ibu Pejabat bersama-sama dengan Yuran Tahunan Keanggotaan seperti di dalam (3).
6. Permohonan menu buhkan Ranting yang tidak diluluskan oleh Cabang boleh diangkat ke Ibu Pejabat melalui Ketua Setiausaha Pengelola untuk rayuan. Rayuan penubuhan Ranting yang tidak diluluskan oleh Cabang perlulah dibentangkan di Biro Politik dan keputusan Biro Politik adalah muktamad.
7. Kuasa Cabang dan Biro Politik untuk meluluskan/tidak meluluskan penubuhan sesuatu Ranting baru adalah tertakluk kepada asas-asas berikut:
 - i. Permohonan penubuhan Ranting adalah tidak sah kerana dibuat oleh individu yang tidak layak menjadi anggota parti atas sebab undang-undang atau sebab-sebab lain mengikut Perlembagaan Parti
 - ii. Sekurang-kurangnya 10 orang daripada jumlah anggota Ranting perlu beralamat di dalam kawasan Cabang di mana Ranting itu didaftarkan
8. Setiap Ranting hendaklah diuruskan oleh sebuah Jawatankuasa Ranting yang diketuai oleh seorang Ketua Ranting.
9. Setiap Ranting boleh menjalankan apa-apa aktiviti bersifat dalaman sesama anggota Ranting atau masyarakat setempat termasuklah program mengutip dana dengan syarat memaklumkan terlebih dahulu kepada Cabang.
10. Setiausaha Agung bertanggungjawab secara keseluruhan terhadap urusan organisasi dan keanggotaan Parti termasuk semua urusan bersabit penubuhan dan pentadbiran Ranting. Ber sesuaian dengan Perlembagaan Parti, urusan harian mengenai pentadbiran Ranting diamanahkan kepada Ketua Setiausaha Pengelola.
11. Parti bertanggungjawab membuat tatacara, garis panduan dan panduan bagi memastikan perjalanan Ranting berjalan dengan lancar dan tersusun yang menjadi rujukan oleh Ketua Setiausaha Pengelola dalam menjalankan urusan harian pentadbiran Ranting.